

**Ucapan Perasmian Naib Canselor UMS,
YBhg. Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon,
Sempena Majlis Perasmian Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta
2008 pada 20 Ogos 2008,
di Foyer Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, UMS**

Bismilahirrahmanirrahim

Assalamualakum warahmatullahi dan salam sejahtera

Syukur kita ke hadrat Illahi kerana dapat berkumpul bersama-sama pada pagi ini bagi merasmikan Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi (PEREKA) 2008 yang dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi, UMS.

Tuan/tuan dan puan-puan sekalian,

Aktiviti penyelidikan dan inovasi merupakan teras kedua penting kepada Universiti selain daripada pengajaran dan pembelajaran. . Oleh itu, aktiviti pertandingan dan rekacipta adalah amat penting kerana, ia bukan sahaja sebagai medan pertandingan kepada hasil produk dan inovasi penyelidik, malahan yang lebih penting ialah dapat membina dan mengukuhkan budaya penyelidikan dan inovasi di UMS tercinta ini dan seterusnya berupaya mengkomersialkan produk penyelidikan kita.

Ladies and Gentlemen,

Although generation of knowledge through basic and fundamental research has always been regarded as one of the core business of a university, the translation of knowledge into economic activity has been increasingly recognised by many as an additional university function, along with research and teaching. How exactly does this affect the researchers and research in the UMS? Many of our researches are supported by public funding through agencies such as Ministry of Science, Technology and Innovation and Ministry of Higher Education. One measure of a productive impact of publicly funded research is through its output being translated into useable products, processes and services. Bringing research results and outputs to the market in an effective manner yields tangible benefits

**Ucapan Perasmian Naib Canselor UMS,
YBhg. Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon,
Sempena Majlis Perasmian Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta
2008 pada 20 Ogos 2008,
di Foyer Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, UMS**

from that research and ensured that the research contributes to the economy as well as enhancing the quality of life of the broader community. Thus, it is imperative for researchers and research institutions to build strong, ongoing connections with industry and investors who can help turn ideas, inventions and innovations into economically useful products and bring them to the market.

UMS has to boost its R & D output, develop an innovation framework, and enhance the teamwork and network of researchers to the global level.

Our key targets at UMS include the following:

1. increase the total of research funds
2. increase the number of post graduates
3. increase the number of academics to do research
4. increase the number of captains in research
5. restore research laboratory facilities
6. produce quality publications
7. improve the dissemination of research products
8. increase the total number of innovation that can be commercialised

In addition to fulfilling the criteria for assessment to be a research university, UMS aims to ensure the success of its Strategic Plan by taking steps towards implementation and follow-up, including the need to apply a research culture, increase research capability and contribute research products to the community.

**Ucapan Perasmian Naib Canselor UMS,
YBhg. Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon,
Sempena Majlis Perasmian Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta
2008 pada 20 Ogos 2008,
di Foyer Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, UMS**

Sebagai warga kampus, kita harus berbangga kerana nama UMS terus masyhur di peringkat antarabangsa. Semenjak penubuhannya, kita telah berjaya mengumpul 65 pingat yang dimenangi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya ialah dalam pameran ITEX, MTE, Biotechnology Asia, SIIF Geneva dan IEI Seoul, Korea. Dalam Pameran INPEX 2008 yang diadakan di Pittsburgh USA, baru-baru ini, UMS telah berjaya mendapat dua pingat emas dan satu pingat gangsa. Kejayaan ini adalah kerana komitmen dan kesungguhan penyelidik kita dalam menjalankan penyelidikan dan inovasi.

Dalam tahun 2006 dan 2007, UMS telah berjaya memperolehi geran penyelidikan dari pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia berjumlah RM16.7 juta, yang melibatkan 211 orang penyelidik. Selain itu, pihak universiti turut memberikan suntikan, dengan memperuntukkan dana *Seed Money* berjumlah RM1.2 juta kepada penyelidik muda dan RM1 juta untuk penyelidikan pelajar pasca siswazah. Ini adalah bukti sokongan pihak kementerian dan UMS sendiri dalam menggalakkan pembangunan penyelidikan dan inovasi untuk kemajuan negara selaras dengan hasrat universiti untuk tampil sebagai salah sebuah universiti berinovatif yang bertaraf dunia.

Justeru, untuk mencapai hasrat tersebut, saya bagi pihak universiti dengan ini akan terus memberi sokongan penuh kepada penganjuran PEREKA yang akan diadakan pada setiap tahun.

**Ucapan Perasmian Naib Canselor UMS,
YBhg. Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon,
Sempena Majlis Perasmian Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta
2008 pada 20 Ogos 2008,
di Foyer Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, UMS**

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) selaku penganjur kerana telah berjaya mengadakan Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta 2008. Tahniah juga kepada Pusat Penyelidikan dan Inovasi dan semua staf serta ahli jawatankuasanya di atas usaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan program pada kali ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada semua pengadil-pengadil Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta 2008 daripada dalam dan luar UMS.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua peserta pertandingan yang terdiri daripada pensyarah dan penyelidik UMS. Begitu juga kepada Dekan-dekan dan Pengarah-pengarah Sekolah/Pusat/Institut/Unit serta jabatan yang bersama-sama menyerikan lagi program kita dengan aktiviti pameran akademik.

Secara peribadi, saya amat bangga dengan komitmen dan sokongan tinggi daripada tuan-tuan sekalian dalam menjayakan PEREKA 2008. Ini mencerminkan budaya dan nilai kecemerlangan penyelidikan telah bersemarak di hati sanubari warga UMS.

Maka dengan lafaz bismillah saya merasmikan Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta (PEREKA) tahun 2008 dengan kata-kata hikmat

“Penyelidik Cemerlang, UMS Gemilang”

Wabillahi taufik wal hidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.